

30 NOV 97

DAP: NEAC PERLU DIWAKILI SEMUA PARTI POLITIK DAN KUMPULAN

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) perlu diwakili semua parti politik dan kumpulan berkepentingan untuk menjadikannya sebuah badan yang bersatu untuk menerajui usaha memulihkan ekonomi negara, kata Ketua Pembangkang Lim Kit Siang.

Beliau juga berkata bahawa kerajaan perlu berusaha menyedarkan rakyat supaya berjimat cermat dan memberikan kerjasama mereka kepada setiap usaha yang diambil bagi mengatasi masalah ekonomi yang dialami sekarang.

Tugas utama NEAC sekarang ialah untuk memulihkan keyakinan semua pihak terhadap ekonomi negara, kata Lim yang juga setiausaha agung parti DAP dalam satu kenyataan hari ini.

Kerajaan juga perlu membuang "budaya menafikan" yang diamalkannya sekarang yang menafikan sepenuhnya pembabitan kerajaan di dalam krisis ekonomi negara tetapi sebaliknya meletakkan semua kesalahan kepada para pedagang mata wang asing dan faktor-faktor luaran yang lain," kata beliau.

Beliau berkata NEAC perlu mengenalpasti setiap faktor yang menjadi punca kepada krisis ekonomi negara termasuk faktor-faktor tempatan dan mengambil langkah untuk mengatasinya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini mengumumkan penubuhan NEAC untuk memulihkan ekonomi negara yang terjejas oleh krisis mata wang dan kejatuhan pasaran saham yang turut dialami oleh beberapa negara Asia yang lain. -- BERNAMA

MNY MZ AKD